

02/08/2000

Majikan wajar manfaat tenaga kerja tempatan

KEMISKINAN yang membelenggu Bangladesh menyebabkan ramai rakyatnya menganggur dan kini mencari untung nasib di rantau orang, termasuk Malaysia. Keadaan bertambah parah apabila lebih 50,000 rakyat negara itu yang bekerja di Malaysia dihantar pulang berikutan Malaysia dilanda krisis ekonomi pada 1997. Perdana Menteri, Sheikh Hasina Wajid yang kini mengadakan kunjungan ke Malaysia buat pertama kali menunjukkan kesungguhan untuk mengatasi masalah itu, antaranya meminta bantuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara lain beliau mahu Malaysia mengalihkan industri berintensifkan buruh ke Dhaka dengan menggunakan kepakaran sektor swasta tempatan bagi memajukan lagi industri tekstil negara itu. Sheikh Hasina turut melahirkan harapan agar lebih ramai pelabur Malaysia melabur di negara itu, termasuk dalam bidang telekomunikasi.

Dr Mahathir yang peka dengan masalah yang dihadapi negara itu, bersedia memberikan bantuan yang diperlukan, termasuk menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan melabur di Bangladesh. Malaysia juga memberi jaminan akan terus mengambil pekerja dari Bangladesh apabila dirasakan perlu kerana menghargai sumbangan mereka dalam pembangunan ekonomi. Malaysia yang kini mengamalkan dasar penggiliran pengambilan pekerja asing baru, termasuk dari Bangladesh apabila wujud kekosongan pekerjaan di negara ini.

Malaysia berhenti mengambil pekerja asing dari Bangladesh dan lain-lain negara Asia pada 1997 berikutan kegawatan ekonomi dan mengisytiharkan 150,000 daripada 300,000 pekerja Bangladesh di Malaysia sebagai pendatang tanpa izin ketika itu. Oleh kerana ekonomi negara semakin pulih, Malaysia kini membuka semula peluang kepada pekerja asing untuk bekerja di sini kerana banyak sektor, terutama pembinaan memerlukan tenaga pekerja. Bagaimanapun, majikan yang memerlukan pekerja jangan keliru dengan kenyataan Dr Mahathir itu untuk mengambil kesempatan mengutamakan pekerja asing semata-mata. Sebaliknya, mereka perlu juga mengambil kira anak watan yang masih ramai memerlukan pekerjaan, terutama 350,000 anggota tentera yang bersara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini mahu anggota tentera yang bersara diberi peluang pekerjaan setimpal dengan pengalaman mereka. Ramai antara mereka bersara dalam lingkungan usia masih muda dan cergas. Tentunya mereka boleh memikul tanggungjawab jika diberikan peluang. Apa yang perlu hanyalah memberikan mereka latihan secukupnya dalam pelbagai bidang supaya mereka itu boleh diserapkan ke dalam pekerjaan yang setimpal dengan kedudukan mereka. Kini, sudah sampai masanya majikan swasta bersikap lebih terbuka untuk memberi tempat kepada bekas perajurit ini di samping mengambil pekerja asing, termasuk rakyat Bangladesh.

(END)